

● IHSAN PULAI SPRING RESORT



TENGGU Ahmad (kanan) menyampaikan sumbangan kepada seorang warga tua di Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru.

Pulai Group ceriakan 247 warga tua

JOHOR BAHRU: Pulai Spring Resort dan Pulai Desaru Beach Resort & Spa membawa keceriaan kepada 247 warga tua yang menghuni Rumah Seri Kenangan di sini menerusi sumbangan barangan kelengkapan dan makanan kepada mereka.

Usaha itu antara pendekatan syarikat Pulai Group dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka kepada golongan kurang upaya setiap tahun, di negeri ini.

Pengurus Besar Pulai Spring, Tengku Ahmad Faizal Tengku Mohamed, berkata aktiviti itu akan dijalankan sekurang-kurangnya empat kali setahun yang membabitkan warga emas, kanak-kanak, orang kelainan upaya (OKU) dan mereka yang memerlukan sumbangan di negeri ini.

"Kali ini, kita mengumpul pelbagai barangan dan kelengkapan daripada kakitangan untuk disumbangkan kepada penghuni di sini.

"Barangan derma ini, termasuk makanan, baju, selimut, bantal dan banyak lagi keperluan lain. Selain daripada itu mereka menerima sedikit cenderamata seperti buah-buahan, biskut, dan air kotak.

"Oleh itu, kami berharap sumbangan ini dapat membantu menampung keperluan penghuni di sini," katanya ketika ditemui di Rumah Seri Kenangan di Kampung Ungku Mohsin, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Pulai Desaru Beach Resort & Spa, Azmi Sharudin dan Timbalan Penguasa Rumah Seri Kenangan, Azhar Kamal.

Yunos Nasri, 63, berkata beliau memilih menghuni Rumah Seri Kenangan sejak lebih lima tahun lalu kerana mendakwa lebih selesa tinggal di situ sebab tidak mahu membebankan keluarga dan anak.

"Sekarang, saya lebih gembira tinggal di sini, walaupun awalnya

ketika dibawa ke sini, saya begitu mengharapkan anak datang membawa saya pulang.

"Namun, kerana tidak mahu menyusahkan anak, saya memilih untuk terus tinggal di sini kerana pelbagai aktiviti boleh dilakukan membuatkan saya tidak lagi rasa bosan di sini.

"Malah kadang-kadang saya diberi peluang untuk bertemu keluarga yang tinggal jauh dari tempat ini," katanya.

Selain itu, Teh Kee Phong, 62, mendakwa dia dihantar ke situ oleh anaknya selepas dipujuk untuk dihantar ke hospital.

"Mereka kata mahu membawa saya ke hospital tetapi sebaliknya dihantar ke sini, tiada sesiapa yang datang mengambil balik, meskipun saya amat rindukan mereka.

"Namun, kunjungan orang luar ke sini membuatkan saya rasa gembira apabila ramai yang datang melawat dan bertanya khabar kami di sini," katanya.